

MARTABATKAN CINA MUSLIM MALAYSIA

Dr Taufiq aktif anjur program penghayatan Islam dalam bahasa Mandarin

KARISMA

PROFIL

NAMA: Prof Dr Taufiq Yap

Yun Hin

JAWATAN: Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia

LAHIR: 14 Januari 1968

ASAL: Kota Kinabalu, Sabah

PASANGAN: Dr Amalina Abdullah

ANAK: Farah Hannani Yap (21), Daniel Anas Yap (19), Adama Anas Yap (17) dan Danish Anas Yap (14)

PENDIDIKAN: Doktor Falsafah (PhD) Heterogeneous Catalysis, University of Manchester Institute of Science and Technology, United Kingdom (1997)

Aniza Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

Siapakah manusia pertama? Apakah tujuan saya dihidupkan? Persoalan yang membawa Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin mengenal Islam, sekali gus menzhirkan kepercayaan terhadap keesaan Allah dan junjungan besar, Nabi Muhammad SAW ketika berusia 15 tahun.

Tiga konsep Islam yang menarik perhatian anak jati Kota Kinabalu ini, iaitu Tuhan yang satu, setiap manusia dilahirkan suci tanpa dosa dan setiap manusia bertanggungjawab atas perbuatan baik maupun buruk yang mereka lakukan.

"Pencarian jawapan menemukan saya dengan Islam, lantas saya membuat perbandingan untuk mencari Tuhan yang sebenar. Saya turut membuat rujukan dengan guru, selain pembacaan sendiri. Apabila berada di persimpangan, saya berdoa seikhlas hati dan meminta supaya saya dipertemukan dengan jawapan yang benar."

"Meskipun saya dilahirkan dalam keluarga Cina, saya bersyukur dengan penerimaan ibu apabila saya menyatakan ingin memeluk Islam."

"Awak sudah besar pilihan di tangan sendiri. Itu jawapan diberikan ibu. Malah ibu sangat menyokong dan sentiasa di sisi apabila saya memerlukannya."

"Sebaik saya membuat keputusan itu, perkara pertama saya lakukan adalah mencari buku berkaitan halal haram dalam Islam serta belajar menuai solat."

"Kemudian, ibu menemani saya mencari set pinggan mangkuk



"Kita diibaratkan ejen perpaduan masyarakat untuk memperbetulkan persepsi masyarakat Cina terutamanya bahawa Islam adalah agama universal bukannya eksklusif"

Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin

12-03-2017

rencana

31

METRO/AHAD

FOTO HALIMATON SULAIMAN



BERSAMA saudara Muslim dari Jepun, Korea, Indonesia dan Taiwan.

berasingan. Ibu yang ketika itu bukan Muslim bertanggungjawab membawa saya ke pejabat agama untuk mendaftarkan dokumen pengislaman saya," katanya.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) ini berkata, berita pengislamannya hanya diketahui ibu dan guru, namun disembunyikan daripada pengetahuan bapa tirinya.

Situasi itu memaksa Dr Taufiq menyediakan makanan sendiri untuk dijamu bersama keluarga.

Menurutnya, dia tidak pernah menjauhkan diri daripada keluarga dan meneruskan hubungan mesra termasuk makan bersama-sama.

Katanya, tindakan segelintir Cina Muslim mengasingkan diri daripada keluarga malupun teman gara-gara bimbang mengenai kehidupan baru yang tidak diterima bukanlah satu tindakan bijak.

Tegasnya, mualaf tidak harus malarikan

diri, sebaliknya berusaha mengekalkan hubungan keluarga meskipun berbeza akidah.

Menyentuh perihal tugasnya, Dr Taufiq menerima Anugerah Saintis Muda Negara 2002 kerana kajiannya menghasilkan mangkin yang memberi sumbangan besar dalam industri petrokimia.

Terbaru, beliau berjaya mencipta mangkin baru dalam menghasilkan biodiesel, yang kini dipatenkan.

Mengelalui Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) sejak dua tahun lalu, Dr Taufiq mempunyai visi besar bagi memartabatkan komuniti Cina Muslim terutama dari segi ilmu pengetahuan sama ada mengenai Islam malupun kedunian, serta mempertingkatkan tahap profesionalisme.

"Kita diibaratkan ejen perpaduan masyarakat untuk memperbetulkan persepsi masyarakat Cina terutamanya bahawa Islam adalah agama universal bukannya eksklusif bagi satu bangsa saja.



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



"Kebanyakan masyarakat terutamanya bukan Melayu sering salah anggap terhadap Islam, justeru kita bertanggungjawab memberi penerangan sewajarnya.

"Komuniti Cina Muslim mempunyai toleransi yang tinggi kerana kami memahami budaya dan adat pelbagai kaum menerusi perkahwinan campur.

"Tidak salah kita merayakan Tahun Baru Cina kerana wujudnya nilai murni yang diajarkan Islam selagi ia tidak melanggar syarak.

"Seperti makan besar yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan menghormati warga tua," katanya.

Aktif menganjurkan program penghayatan Islam dalam bahasa Mandarin menerusi MACMA, Dr Taufiq berkata MACMA kini dalam proses, perbincangan membina Masjid Komuniti Cina Muslim di Cheras,

sekitar tahun ini.

Menurutnya, seni bina masjid dengan elemen Cina terbuka kepada orang ramai untuk mengunjunginya terutama masyarakat Cina supaya mereka dapat mengenali Islam.

Selain itu, katanya, masjid Cina juga dijadikan contoh bahawa Islam adalah agama universal yang dianuti mana-mana bangsa tanpa mengira warna kulit dan peruturan.

Bagi memperkasakan ilmu Islam dalam kalangan Cina Muslim, MACMA turut menjalankan kerjasama dengan Yayasan Restu bagi projek menghasilkan terjemahan al-Quran dalam bahasa Mandarin.

Mengungkapkan kata akhir sebelum menamatkan pertemuan, Dr Taufiq juga berhasrat untuk melahirkan lebih ramai golongan ulama, pendakwah dan cerdik pandai dalam kalangan Cina Muslim pada masa depan.

Ketawa 'ubat' terbaik

1. Aktiviti masa lapang?

Saya suka membaca buku dan majalah termasuk berkaitan Islam, makanan malupun dekorasi.

2. Aktiviti bersama keluarga?

Melancong adalah aktiviti yang selalu saya menghabiskan masa dengan keluarga.

Terbaru, kami baru pulang dari Guangzhou, China dan pastinya masjid menjadi tumpuan utama untuk mengaji sejarah penyebaran Islam.

3. Buku pilihan?

Halal dan Haram dalam Islam tulisan Dr Yusuf al-Qardhawi yang

saya khatamkan sebaik memeluk agama Islam, 34 tahun yang lalu.

4. Makanan 'signature' air tangan sendiri?

Lo Mai Gai (pulut ayam).

5. Tip kecerdasan?

Saya sentiasa mencuba menjadi orang yang ceria dan selalu ketawa. Ini kerana ketawa adalah 'ubat' terbaik.

6. Pendorong?

Ibu saya, Aishah Chin Szi Kiaw.

7. Prinsip hidup?

Buat baik berpadapada, buat jahat jangan sekali.